PERPUSTAKAAN
FAKULTI ALAM BINA
FAB30000010058



# PEMATUHAN TANGGUNGJAWAB WAKIL DAN JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI DALAM INDUSTRI BINAAN

ENGKU NORANISAH BTE ENGKU ABDULLAH

Laporan ini dikemukakansebagai memenui sebahagiandaripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2009

# ABSTRAK

Industri pembinaan di Malaysia merupakan salah satu penggerak ekonomi negara. . Walaupun begitu, sejak akhir-akhir ini, sektor pembinaan di Malaysia berhadapan dengan isu keselamatan dan kesihatan yang mengganggu prestasi pembangunan negara. Kajian ini cuba memaparkan kebenaran tanggapan ini dengan melakukan kaji selidik ke atas tapak pembinaan di sekitar Johor Bahru. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti pematuhan tanggungjawab wakil dan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan mengenalpasti pandangan pekerja di tapak bina terhadap peranan yang dimainkan oleh wakil dan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pembinaan dalam melaksanakan inisiatif keselamatan di tapak bina. Responden dalam penyelidikan ini ialah pihak-pihak di tapak bina seperti buruh, Jurukur Bahan, Arkitek dan lain-lain lagi. Penganalisaan data adalah menggunakan kaedah skala liket. Objektif yang pertama mendapati pematuhan tanggungjawab ini adalah pada tahap yang memuaskan yang mana wakil dan jawatankuasa keselamatan telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan menyediakan laporan kemalangan dan menjalankan pemeriksaan keselamatan di tapak bina. Isu yang berkaitan dengan kemalangan adalah disebabkan oleh wakil dan jawatankuasa keselamatan tidak meningkatkan keselamatan dalam persekitaran kerja dan tidak mentadbir program-program insentif untuk menggalakkan keselamatan. Objektif kedua mengenai pandangan pekerja terhadap peranan wakil dan jawatankuasa keselamatan pula, kajian mendapati misi wakil dan jawatankuasa keselamatan tidak dinyatakan degan jelas dan takrif dan matlamat keselamatan tidak di fahami pekerja.

# ABSTRACT

In Malaysia, construction industries is one of the important economic sectors for the country. However, Malaysians' construction sector is facing an issue on safety and healthy that effect the national development. This study is carried out to determine the extent of this perception by doing a survey on construction sites around Johor Bahru. The objective of this study is to identify the level compliance of the safety committee representatives and health workers and identify views on the role played by the representatives and safety committees and health initiatives in the implementation of construction site safety in the project. Respondents in this research include the parties at the construction site such as labor, materials surveyors, architects and others. To analyse data, this research is uses2 likert scale method. The first objective found that the level of compliance is at satisfactory level which safety committee has been conducting their responsibilities by carry out. any accident at the construction site. Accident occurred are due to the safety committee and representatives do not improve safety level in the work environment and no incentive programs to promote safety was ever organised. Second objective determined employee opinion about the role of employee representatives and safety committees on doing their role to keep the safety always in high level. This study found that the safety mission is not clear and most of employee do not understand the objective and the important of safety while working at construction site.